



MAJLIS PERSADA
INOVASI
PERKHIDMATAN
AWAM PERINGKAT
NEGERI SELANGOR
(MPIPANS) 2022

KIRA SENDIRI FI ANDA (KISFA)

KWXPRESS
JABATAN BANGUNAN, MBSJ

2022



RINGKASAN EKSEKUTIF

Kumpulan KWeXPRESS ditubuhkan pada 5 Mac 2020 dengan keanggotaan ahli seramai 8 orang yang terdiri daripada kakitangan Bahagian Kawalan Bangunan, Jabatan Bangunan, MBSJ. Berdasarkan sesi '*brainstroming*', kaedah matriks berkriteria, graf analisis tahap keupayaan dan tahap kritikal dan '*smart analysis*' yang dijalankan oleh ahli kumpulan mendapati borang kiraan fi proses pelan yang perlu diisi oleh pihak perunding (PSP) masih menggunakan kaedah secara manual. Kaedah pengisian kiraan fi proses pelan masih lagi menggunakan borang dalam bentuk 'hardcopy' yang menimbulkan kekeliruan di pihak perunding (PSP) serta mengambil masa untuk disemak secara manual menggunakan kalkulator oleh kakitangan Bahagian Kawalan Bangunan.

Kaedah pengisian kiraan fi proses pelan menggunakan borang dalam bentuk 'hardcopy' kerap kali mengelirukan pihak perunding (PSP) oleh kerana pemahaman yang berbeza dan kurang mahir dengan kaedah pengiraan fi proses pelan. Kaedah manual ini juga menyebabkan kelewatan dalam memproses oleh kakitangan Bahagian Kawalan Bangunan dan pihak perunding (PSP) dari segi pengulangan langkah-langkah proses kerja dari mula terima borang kiraan fi proses pelan sehingga pengesahan kiraan fi proses pelan.

Masalah ini disokong dengan data maklumbalas soal selidik yang diterima daripada pihak perunding (PSP) dan pegawai Jabatan Bangunan yang menyatakan tempoh memproses pengesahan kiraan fi proses pelan mengambil masa sehingga 8 hari dan melalui 7 langkah proses kerja untuk diproses.

Oleh yang demikian, kumpulan KWeXPRESS telah membangunkan borang kiraan fi proses pelan yang dinamakan Borang KiSFA (Kira Sendiri FI Anda) menggunakan perisian Microsoft Excel untuk menggantikan borang kiraan fi pelan dalam bentuk 'hardcopy'.

Borang KiSFA (Kira Sendiri FI Anda) yang dibangunkan mampu memudahcara untuk menyemak kiraan fi proses pelan dengan lebih berkesan dari segi penggunaannya yang lebih mudah, teratur dan seragam. Borang KiSFA dapat menjimatkan kos penggunaan kertas kerana Borang KiSFA hanya perlu diisi dan dikemukakan secara atas talian. Borang KiSFA juga mengurangkan 7 langkah proses kerja kepada 5 langkah proses kerja kerana Borang KiSFA telah menggunakan konsep *auto calculate*. Borang KiSFA menjimatkan masa memproses permohonan daripada 8 hari kepada 5 hari bagi mendapatkan pengesahan borang kiraan fi proses pelan kerana Pegawai boleh memproses 1 permohonan menggunakan Borang KiSFA dalam tempoh 30 minit sahaja. Pihak perunding (PSP) tidak perlu hadir ke Jabatan dan proses tersebut boleh dilakukan hanya di pejabat atau di rumah. Borang KiSFA adalah sistem yang berkos rendah, mesra pengguna dan relevan seiring dengan dengan teknologi masa kini digunakan oleh kakitangan Bahagian Kawalan Bangunan dan pihak perunding (PSP).

Borang KiSFA boleh memberikan impak yang baik kepada organisasi di mana inovasi ini sejajar dengan Visi, Misi dan Dasar Kualiti MBSJ. Selain itu, Borang KiSFA ini mampu menjadi rujukan kepada mana-mana agensi terutamanya PBT. Sasaran seterusnya adalah untuk "*upgrade*" Borang KiSFA ini kepada aplikasi mudah alih yang boleh digunakan di telefon pintar dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

1. SIGNIFIKAN PROJEK

A. Kaitan dengan fungsi utama jabatan dan piagam pelanggan

- ☐ Jabatan Bangunan merupakan salah satu jabatan utama di MBSJ yang berperanan mengawal dan menyelia pembangunan di kawasan pentadbiran di kawasan pentadbiran MBSJ.
- ☐ Selaras dengan misi, visi dan aspirasi MBSJ (*rujuk lampiran*), Jabatan Bangunan juga perlu bergerak ke hadapan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan-pelanggan yang berurusan dengan jabatan ini.
- ☐ Salah satu fungsi utama Jabatan Bangunan adalah melaksanakan kawalan pembangunan melalui pemprosesan permohonan kelulusan pelan bangunan, pengeluaran permit sementara dan pelan setara selaras dengan agenda pembangunan mampan.
- ☐ Bahagian Kawalan Bangunan bertanggungjawab dalam memproses permohonan kelulusan pelan bangunan ini yang terdiri daripada 15 pegawai. (*rujuk carta organisasi jabatan di bahagian lampiran*).
- ☐ Jabatan Bangunan telah menerima 407 permohonan kelulusan pelan bangunan pada tahun 2019 dan 319 permohonan pada tahun 2020. Dalam memproses permohonan pelan bangunan, secara purata 49 permohonan akan diuruskan oleh pegawai.
- ☐ Proses permohonan pelan bangunan bermula daripada semakan pengesahan kiraan fi proses pelan sehinggalah kelulusan penuh pelan bangunan dikeluarkan (*rujuk carta alir dilampiran*) terdapat 51 proses kerja perlu dilaksanakan dan purata hari memproses adalah 120 hari.
- ☐ Berdasarkan pemerhatian ahli kumpulan, terlalu banyak proses kerja di dalam proses permohonan kelulusan pelan bangunan dan ini membebankan pegawai yang memproses dengan kerja yang berulang-ulang terutamanya dalam proses kerja pengesahan kiraan fi dan proses semakan pematuhan syarat.
- ☐ Ini menyebabkan, proses permohonan pelan bangunan menjadi lambat dan boleh memberikan impak negatif kepada jabatan dan MBSJ.

B. Memenuhi Kehendak Pelanggan dan Pemegang Taruh “Stakeholder”

- ☐ Di dalam Piagam Pelanggan (*rujuk lampiran*), jabatan perlu memproses permohonan kelulusan pelan bangunan dalam tempoh 19 hari bekerja dari tarikh terima permohonan sehingga permohonan di bawa ke Mesyuarat Teknikal Pelan untuk pertimbangan.
- ☐ Bagi memastikan permohonan dipertimbangkan dalam tempoh tersebut, jabatan telah menetapkan Mesyuarat Teknikal Pelan diadakan minimum 3 kali dalam tempoh sebulan.
- ☐ PSP diberi tempoh 60 hari daripada tarikh mesyuarat untuk mematuhi syarat-syarat teknikal dan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan jabatan teknikal luar.

C. Sejajar dengan Agenda dan Matlamat Nasional

- ☐ KPKT telah mewujudkan Unit Pusat Setempat (OSC) di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2007 bagi menyelaraskan pelbagai permohonan pemajuan melalui satu sistem dan prosedur yang telus dan seragam
- ☐ Penubuhan OSC di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah sebagai inisiatif penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi memantau dan mengawal selia pelaksanaan tatacara atau panduan yang disediakan oleh KPKT sebagai panduan PBT dalam menguruskan hal ehwal memberikan kelulusan pemajuan dan permit pembinaan
- ☐ Pada tahun 2014 fungsi dan peranan OSC telah diperkasakan dengan terhasilnya Manual OSC 3.0 yang menetapkan peranan OSC sebagai penyelarasan dan pemantau proses pemajuan dari peringkat kelulusan pelan bangunan sehingga bangunan layak diduduki
- ☐ Pada tahun 2019 Manual OSC 3.0 Plus dihasilkan berdasarkan penambahbaikan Manual OSC 3.0 yang mana menggunakan sistem atas talian sepenuhnya iaitu Sistem OSC 3 Plus Online dalam semua proses melibatkan permohonan, pertimbangan dan kelulusan sesebuah pemajuan
- ☐ Jabatan Bangunan, MBSJ sebagai salah satu agensi teknikal yang memperakui, perlu sejajar dengan matlamat manual OSC 3.0 Plus dalam memudahcara pengeluaran permit pembinaan.

D. Isu Semasa Di Peringkat Nasional

- ❑ Pengeluaran permit pembinaan ataupun kelulusan sesuatu pembinaan adalah amat penting dalam membantu meningkatkan hasil negara dalam sektor pembinaan dan merupakan faktor yang penting dalam menarik pelabur luar negara ke Malaysia.
- ❑ Walau bagaimanapun, isu pengeluaran permit pembinaan yang lambat dan tidak seragam antara PBT di Malaysia merupakan masalah yang menjadi duri dalam daging dalam sektor pembinaan.
- ❑ Beberapa agensi seperti KPKT dan MPC sedang mencari jalan penyelesaian dalam menambahbaik prosedur pengeluaran permit pembinaan.
- ❑ Kumpulan Focus Group Discussion telah ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia yang ahlinya terdiri daripada pihak kerajaan, perunding-perunding professional, pemaju dan PBT bagi memastikan prosedur pengeluaran permit pembinaan dapat dipercepatkan dan dipermudahkan.

E. Kaedah Pemilihan Masalah dan Analisis

- ❑ Kumpulan telah melaksanakan “Brainstroming” pada Mac 2020 secara atas talian dan telah mengenalpasti 10 permasalahan yang berlaku dalam memproses permohonan kelulusan pelan bangunan. (Jadual senarai permasalahan adalah seperti di lampiran)
- ❑ Kemudian, kumpulan telah menggunakan Kaedah Matriks Berkriteria bagi melihat Tahap Kritikal dan Tahap Keupayaan bagi kesemua 10 permasalahan tersebut. (Rujuk jadual Kaedah Matriks Berkriteria di lampiran)
- ❑ Hasil daripada analisis menggunakan Graf Analisis Tahap Kritikal dan Tahap Keupayaan (rujuk lampiran), terdapat 3 masalah telah dikenalpasti.
- ❑ **10 MASALAH – – – ➔ 3 MASALAH**
- ❑ Seterusnya, kaedah “*SMART ANALYSIS*” (rujuk lampiran) dijalankan kepada 3 masalah tersebut dan berdasarkan kepada faktor urgensi untuk masalah diselesaikan dan kebolehpayaan kumpulan untuk laksanakan, kumpulan telah memilih permasalahan “**Borang Kiraan Fi Proses Pelan Sukar Difahami Oleh PSP**” untuk dijadikan projek kumpulan.

F. PERNYATAAN SASARAN “OUTCOME” DAN IMPAK PROJEK

❑ Sasaran Kumpulan adalah seperti jadual berikut :-

Bil	PERKARA	SASARAN	RUJUKAN UNTUK PENANDAARASAN
1	Tempoh Masa Memproses	8 hari kepada 5 hari	Carta alir proses kerja permohonan pengesahan kiraan fi proses pelan (rujuk lampiran)
2	Kos Operasi	Waktu bekerja : 5 hari kepada 3 hari (pkp) Waktu bekerja : 8 jam kepada 4 jam Minyak : pengurangan 70% Tol : pengurangan 70% Kertas dan alat tulis : pengurangan 80%	Jadual Graf perbandingan
3	Bilangan aduan yang diterima	20 aduan setahun kepada sifar aduan	Aduan yang diterima melalui Teguran daripada pengurusan MBSJ.
4	Birokrasi	Sistem manual kepada sistem atas talian	Borang kiraan fi proses pelan sedia ada. Jumlah permohonan yang dipulangkan semula untuk pembetulan.

❑ **TEMA PROJEK KUMPULAN : MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JABATAN BANGUNAN : DIGITALISASI PROSES PENGESAHAN KIRAAN FI PROSES PELAN BANGUNAN.**

2. TINDAKAN PENYELESAIAN

A. STRATEGI PENYELESAIAN MASALAH – KAEDAH PENYELESAIAN

i. KAEDAH DESIGN THINKING –

1. EMPATI –

Kumpulan telah mendapatkan maklumbalas daripada pegawai Jabatan Bangunan, PBT dan PSP yang berurusan dengan MBSJ melalui Borang Soal Selidik Kajian Penambahbaikan Proses Pengesahan Kiraan Fi Proses Pelan Di Jabatan Bangunan, MBSJ.

2. TAKRIFAN –

Maklumbalas daripada soal selidik menunjukkan 71 % responden menyatakan tempoh memproses dipendekkan dan 66.7% responden menyatakan perlu adanya satu sistem pengesahan kiraan fi proses pelan yang standard dan boleh dibuat secara atas talian.

3. PENJANAAN IDEA –

Berdasarkan kepada kaedah *Blue Ocean Strategies* dan Kaedah 5W + 1H, kumpulan akan membangunkan sistem yang diberi nama KiSFA (Kira Sendiri Fi Anda)

4. PROTOTAIP -

Menginovasi borang kiraan fi sedia ada kepada sistem borang automatik secara atas talian yang lebih mudah digunakan dalam menyelesaikan masalah lambat mendapatkan pengesahan kiraan fi

- a. stage 1 – untuk renovation dan banglo
- b. stage 2 – untuk skim (bgnn berbilang tingkat dan berbilang unit)

5. UJI CUBA –

2 kali uji cuba dijalankan pada pengguna dalaman dan kumpulan sasaran

- a. Pengguna dalaman : Ahli Kumpulan, 10 orang pegawai Jabatan Bangunan
- b. Kumpulan Sasaran : PSP dan pegawai di bahagian Kawalan Bangunan dan Kaunter Ekspres

ii. **KAEDAH *BLUE OCEAN STRATEGIES***

1. REDUCE (mengurangkan) –

- ☐ Tempoh memproses permohonan pengesahan kiraan fi proses pelan mengambil masa 8 hari bekerja.
- ☐ Terdapat 7 langkah dalam proses kerja pengesahan kiraan fi proses pelan.
- ☐ Adanya tempoh sah 30 hari borang kiraan fi proses pelan.

2. ELIMINATE (menghapus) –

- ☐ Tempoh memproses pengesahan kiraan fi proses pelan mengambil masa melebihi 8 hari bekerja kerana beban tugas hakiki yang lain.
- ☐ Tempoh 30 hari pengesahan borang kiraan fi terlalu pendek untuk PSP untuk melengkapkan dokumen permohonan di Jabatan OSC, MBSJ. PSP perlu mendapatkan pengesahan semula Borang Kiraan Fi Proses Pelan daripada Jabatan Bangunan.

3. RAISE (meningkat) –

- ☐ Produktiviti dan mutu kerja pegawai di Bahagian Kawalan Bangunan.
- ☐ Kepuasan pelanggan tentang kelewatan dalam mendapatkan pengesahan kiraan fi proses pelan.
- ☐ Mutu penyampaian perkhidmatan jabatan dan organisasi.

4. CREATE (mencipta) -

- ☐ Sistem yang lebih mudah dan praktikal dengan adanya borang yang.
- ☐ Sistem yang berkos rendah dan mesra pengguna.
- ☐ Sistem yang lebih relevan (sejajar dengan teknologi masa kini)

iii. KAEDAH 5W 1H

1. WHAT – Apakah sistem ini?

- ☐ Borang KiSFA (Kira Sendiri FI Anda) merupakan borang yang telah dibangunkan menggunakan perisian Microsoft Excel supaya penggunaannya lebih mudah dan teratur.

2. WHO – Siapa yang bangunkan dan laksanakan sistem?

- ☐ Ahli Kumpulan membangunkan Borang KiSFA dan akan digunakan oleh pegawai Bahagian Kawalan Bangunan, Jabatan Bangunan dan PSP.

3. WHEN – Bila sistem digunapakai?

- ☐ Borang KiSFA masih dalam tempoh uji cuba dan ditangguhkan uji cuba tersebut kerana Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 yang dilaksanakan di Negeri Selangor.
- ☐ Kumpulan menjangkakan, Borang KiSFA akan digunapakai sepenuhnya dalam bulan Februari 2022.

4. WHERE – Di mana sistem akan dipakai?

- ☐ Bahagian Kawalan Bangunan, Jabatan Bangunan MBSJ

5. WHY – Kenapa sistem ini digunapakai?

- ☐ Borang KiSFA dijangka mampu memudahcara dan mempercepatkan permohonan pengesahan kiraan fi proses pelan

6. HOW – Bagaimana?

- ☐ Membangunkan Borang KiSFA yang lebih praktikal dan mudah digunakan. Permohonan boleh dibuat secara atas talian.

- iv. Berdasarkan kepada kaedah di atas, ketua kumpulan telah memaklumkan kepada Pengarah Jabatan Bangunan dan beliau telah bersetuju agar Borang KiSFA dibangunkan sebagai langkah penyelesaian masalah dan projek ini perlu diketengahkan dalam Konvensyen Inovasi diperingkat organisasi.

B. PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP

i. Carta Perbatuan Pembangunan Sistem

- ☐ Uji cuba prototaip 1 – Tambahan dan Ubahsuaian dan Rumah Sesebuah
- ☐ Uji cuba prototap 2 - skim (bangunan berbilang tingkat dan berbilang unit)

BULAN / PERKARA	TAHUN 2020								
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT
Arahan Pengarah untuk hasilkan inovasi dalam tempoh PKP			✓						
Draf penghasilan borang Kiraan fi menggunakan Microsoft Excel.				✓					
Pembentangan idea dan perbincangan bersama Pengarah dan semua Pegawai Jabatan Bangunan bagi menambahbaik sistem sedia ada disebabkan penularan penyakit covid-19 (PKP) (kos penghasilan sistem: TIADA)					✓				
UJI CUBA PROTOTAIP 1 (gagal)						✓			
BULAN / PERKARA	TAHUN 2020								
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT
Perbincangan bersama Pengarah & Pegawai Unit Kawalan Bangunan selepas Uji cuba 1 gagal							✓		
BULAN / PERKARA	TAHUN 2021								
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT
Perbincangan bersama pegawai unit kawalan bangunan bagi mengambil tenaga pakar luar.		✓							
Perbincangan dengan Jabatan ICT			✓						

Bengkel dengan Jabatan ICT berkenaan sistem kiraan fi online dalam e-Building				✓					
Mencari tenaga pakar luar untuk membangunkan sistem KiSFA (tertanggung disebabkan PKP, PKPD dan seterusnya)					✓	✓			
Menambahbaik draf Borang KiSFA menggunakan Microsoft Excel.							✓		
Draf Borang KiSFA dibentangkan kepada PP(B) dan Ahli Kumpulan.							✓		
UJI CUBA PROTOTAIP 2 (ditangguhkan kerana PKPD)							✓		

ii. Tindakan Ujicuba

BIL	PERKARA	TARIKH	SASARAN	KEPUTUSAN UJI CUBA
1.	Uji Cuba Prototaip 1	Mac – Julai 2020	Ahli kumpulan dan pegawai bahagian Kawalan Bangunan	☐ Borang menggunakan Microsoft Excel. ☐ Terhad kepada permohonan tambahan dan ubahsuaian dan banglo. ☐ Permohon atas talian agak sukar jika mempunyai ulasan. ☐ Prosedur permohonan perlu ditambah baik. ☐ Format borang boleh dimanipulasi oleh pengguna.
2.	Uji Cuba Prototaip 2	Feb – Julai 2021	Ahli kumpulan bersama beberapa pemohon (PSP) tetapi tidak terlaksana disebabkan PKP, PKPB, PKPP dan PKPD	☐ Borang ditambahbaik dengan membolehkan kiraan untuk bangunan berbilang tingkat dan unit. ☐ Kekangan kepakaran dalaman untuk untuk hasilkan sistem. ☐ Perbincangan tenaga pakar luar tertanggung kerana PKP ☐ Arahan PKP di Selangor daripada 6 Mei 2021 hingga 2 Julai 2021 dan disambung dengan PKPD

dari 3 Juli 2021 sehingga 16 Juli 2021.

iii. Perbezaan Sebelum Dan Selepas Ujicuba 1 Dan Ujicuba 2

[illegible]

iv. Selepas Penyeragaman

- ❑ Tindakan selepas penyeragaman masih belum dilaksanakan oleh kumpulan ini kerana Borang KiSFA masih dalam tempoh uji cuba 2. Tempoh uji cuba 2 terpaksa ditangguhkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 yang dilaksanakan di Negeri Selangor.


- ❑ Kumpulan akan melaksanakan tindakan selepas penyeragaman selepas uji cuba 2 berjaya dengan mengemaskini Borang KiSFA supaya ianya lebih menarik dan praktikal digunakan.

v. Penghasilan Output : Borang KiSFA Di Muat Turun Daripada Portal Rasmi Majlis Bandaraya Subang Jaya.


- ❑ Borang KiSFA akan dimuatnaik di dalam Portal Rasmi Majlis Bandaraya Subang Jaya menggantikan borang manual sedia ada setelah uji cuba 2 berjaya mencapai tahap optimum penggunaannya.

- ❑ Berikut adalah langkah-langkah penggunaan Borang KiSFA ;-

- ❑ Langkah 1 : PSP mencari portal MBSJ di mana-mana enjin atas talian. <https://portal.mbsj.gov.my/ms>



- ❑ Langkah 2 : PSP muat turun Borang KiSFA dari portal rasmi MBSJ dipautan Borang-Borang Jabatan Bangunan pada bil.10 untuk Borang Kiraan Fi Proses Pelan



- ❑ Langkah 3 : PSP dikehendaki mengisi maklumat seperti Nama Perunding, Nama Pemilik, Jenis Bangunan dan Bilangan Unit.

Ini adalah contoh untuk cadangan ubahsuaian kediaman.

BIL	PERKARA	TIAP 9m²	LUAS LANTAI (m²)	BAYARAN (min.)	JUMLAH (RM)
1	TINGKAT BAWAH	RM14.00		RM140.00	0.00
2	TINGKAT SATU	RM12.00		RM120.00	0.00
3	TINGKAT DUA	RM10.00		RM100.00	0.00
4	TINGKAT TIGA	RM8.00		RM80.00	0.00
5	TINGKAT KEEMPAT DAN TINGKAT ATASNYA ATAU TINGKAT BAWAH TANAH (selain daripada bawah tanah)	RM6.00	0	RM60.00	0.00

- ❑ Langkah 4 : PSP dikehendaki memasukkan keluasan ruang lantai (petak kuning) dalam ruang kosong yang disediakan dalam Borang KiSFA

PSP dikehendaki lengkapkan ruangan di petak kuning sahaja yang melibatkan pelan cadangan

Jumlah fi akan auto generate mengikut kiraan di dalam UBBL 1984

BIL	PERKARA	KADAR BAGI TIAP 9m²	LUAS LANTAI (m²)	BAYARAN (min.)	JUMLAH (RM)
1	TINGKAT BAWAH	RM14.00	100	RM140.00	155.60
2	TINGKAT SATU	RM12.00	90	RM120.00	120.00
3	TINGKAT DUA	RM10.00		RM100.00	0.00
4	TINGKAT TIGA	RM8.00		RM80.00	0.00
5	TINGKAT KEEMPAT DAN TINGKAT ATASNYA ATAU TINGKAT BAWAH TANAH (selain daripada bawah tanah terbuka)	RM6.00		RM60.00	0.00
6	TINGKAT BAWAH TANAH TERBUKA	RM3.00		RM30.00	RM0.00
7	BANGUNAN MEMAPUNYAI SISI TERBUKA (teres, langkan, anjung kereta, bangsal terbuka dan seumpamanya)	1/2 daripada yang ditetapkan dalam para 1 - 6	25 15	RM70.00 RM60.00	70.00 60.00
				RM50.00	0.00
				RM40.00	0.00
				RM30.00	0.00
				RM15.00	0.00

- Langkah 5 : PSP dikehendaki memasukkan keluasan (petak kuning) dalam ruang kosong yg disediakan dalam borang KiSFA. Jumlah Bayaran Keseluruhan akan di *auto generate* apabila selesai mengisi borang KiSFA.

PRODUCT DEACTIVATED To keep using Excel without interruption, please reactivate now. [Reactivate]

15	JUMLAH FI BAGI SATU BANGUNAN				549.60
16	PEMASANGAN SANITARI @ 1 UNIT	WATER CLOSET, BASIN, SINK, LONG BATH & URINAL	5	RM15.00	25.00
17	JUMLAH FI SANITARI				25.00
18	JUMLAH BAYARAN PROSES PELAN (15)+(17)				574.60
1	BAYARAN SIJIL KELULUSAN @ 10.00				0.00
2	PERMIT PEMASANGAN PAPAN DENDENG / KANVAS @ RM 150.00				0.00
3	MENDEPOSITKAN BAHAN BINAAN ATAS JALAN BAGI TAMBAHAN DAN UBAHSUAI BANGUNAN (SILA rujuk borang permit meletak bahan binaan BAHAGIAN C.)			RM103.7x 2 (bil. Kepuk) x 3 bulan	311.10
C BAYARAN FI PINDAAN PELAN BANGUNAN / AS BUILT PLAN					
1	FI PROSES PELAN PINDAAN BANGUNAN @ RM 120.00				0.00
2	FI PROSES AS BUILT PELAN @ RM 120.00				0.00
D BAYARAN TAMBAHAN FI (PROSES DI KAUNTER EKSPRES DAN AS BUILT PELAN SAHAJA)					
1	TAMBAHAN 9 KALI GANDAAN FI PROSES PELAN BANGUNAN				0.00
2	TAMBAHAN 1 KALI GANDAAN FI PROSES PELAN BANGUNAN				0.00
E BAYARAN CAGARAN					
1	CAGARAN SISA BINAAN (ubahsuaian sahaja)	Kediaman (Corner Lot / Bungalow) Semk			1000.00
2	CAGARAN PELAN BANGUNAN			307.78	308
F JUMLAH BAYARAN KESELURUHAN					2193.50

Page 1

CONTOH

Pilih bil. Kepuk meletak bahan binaan yang digunakan dengan minimum 3 bulan.

Cagaran sisa binaan mengikut jenis kediaman/bangunan (hanya untuk permohonan **UBAHSUAIAN SAHAJA**)

- Langkah 6 : Hanya melibatkan cadangan pembinaan kawasan terancang kategori bangunan yang berbilang unit dan berbilang tingkat seperti perumahan, kediaman bertingkat & komersial bertingkat dikenali sebagai KiFSA diskaun.

PRODUCT DEACTIVATED To keep using Excel without interruption, please reactivate now. [Reactivate]

Unit	Finan proses di Binaan (A)	Finan proses di Binaan (B)	Finan proses di Binaan (C)	Finan proses di Binaan (D)	Finan proses di Binaan (E)	Jumlah (RM)
Tingkat Bawah (RM 45.00/m ²)	155.40	447.30	1750.55	0.00	0.00	2,127.56
Tingkat Atas (RM 70.00/m ²)	120.00	432.00	510.00	1350.00	0.00	2,412.00
Tingkat Dua (RM 100.00/m ²)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	-
Tingkat Tiga (RM 150.00/m ²)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	-
Tingkat Atas Atas (RM 150.00/m ²)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	-
Tingkat Bawah Tanah Terbitan (Basement) (RM 100.00/m ²)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	-
Tingkat Bawah Tanah Terbitan (Sub-basement) (RM 100.00/m ²)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	-
Lot-in-lot (garage)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	-
Jumlah FI Binaan - (A)						5,539.60
PEMASANGAN: (B)						
DRY / BASIN	0	UNIT @ RM 15.00	RM	22.00		
WC / SVC	2	UNIT @ RM 15.00	RM	30.00		
URINAL	1	UNIT @ RM 15.00	RM	15.00		
LONG BATH	1	UNIT @ RM 15.00	RM	5.00		
Jumlah FI Sanitari - (B)						72.00
Jumlah Keseluruhan - (A) + (B)						5,611.60

Page 1

CONTOH

Ruangan ini perlu dilengkapi mengikut cadangan permohonan di LANGKAH 4 bagi memastikan LANGKAH 6 ini mengikut kaedah yang ditetapkan.

Ruangan hijau ini hendaklah diisi untuk bilangan unit/tingkat seterusnya. (Projek SKIM)

- ❑ Langkah 7 : Hanya melibatkan cadangan pembinaan kawasan terancang kategori bangunan berbilang unit dan berbilang tingkat seperti perumahan, kediaman bertingkat & komersial bertingkat.

Ruangan ini melibatkan projek SKIM yang mempunyai banyak blok (Tower), unit yang berlainan, bangunan utility secara berasingan untuk dinyatakan di LANGKAH 6 secara berasingan.

Cagaran pelan bangunan sila rujuk pada LANGKAH 5

JUMLAH KESELURUHAN

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	JUMLAH BAYARAN (RM)
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		
11		
12		
JUMLAH BAYARAN PROSES PELAN		RM0.00
BAYARAN CAGARAN PELAN BANGUNAN		RM1307.78
BAYARAN PINDAAN KEPADA KELULUSAN PELAN BANGUNAN @ RM 130.00		
JUMLAH BAYARAN KESELURUHAN		RM1307.78

- ❑ Langkah 8 : PSP perlu klik butang “SAVE” dan menamakan Borang KiSFA yang lengkap diisi dengan <KiSFA><nama pemilik> <tarikh borang dihantar> seperti berikut contoh berikut :

KiSFA SIME DERBY DEVELOPMENT SDN BHD (22 JULAI 2021)

- ❑ Langkah 9 : PSP akan mengemukakan Borang KiSFA dengan menggunakan email terus kepada pegawai Bahagian Kawalan Bangunan.
- ❑ Langkah 10: Semakan dan pengesahan Borang KiSFA akan dibuat oleh pegawai Bahagian Kawalan Bangunan dan pemakluman pengesahan akan dibuat secara “reply” email yang sama daripada PSP.

C. PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH / PIHAK BERKUASA.

i. Pengurusan Jabatan Bangunan

- ☐ Pembentangan secara atas talian dengan Pengurusan Jabatan Bangunan pada 29 April 2020. Pengarah mengarahkan Borang KiSFA dibangunkan dan ditambahbaik untuk penggunaan secara sepenuhnya.

ii. Majlis Bandaraya Subang Jaya.

- ❑ Laporan pembangunan inovasi Borang KiSFA dikemukakan kepada Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik, MBSJ pada 15 Julai 2021 untuk diketengah dalam Konvensyen Inovasi di peringkat organisasi.

D. PELAKSANAAN INOVASI BORANG KiSFA

- ☐ Pada masa ini, Borang KiSFA masih di dalam tempoh ujicuba 2 merujuk kepada bahagian 2 (B). Jadual perbatuan berikut merupakan perancangan kumpulan sekiranya ujicuba kepada Borang KiSFA berjaya mencapai tahap optimum kehendak penggunaannya.

Jadual Perbatuan Perancangan Pelaksanaan Penggunaan Borang KiSFA.

[illegible]

[illegible]

3. KEBERHASILAN PROJEK

A. OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN

Seperti mana yang dinyatakan dalam Bahagian 2, Borang KiSFA masih dalam tempoh uji cuba 2 dan uji cuba 2 terpaksa ditangguhkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan dan Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 yang dilaksanakan di Negeri Selangor.






Disebabkan itu, permohonan pengesahan kiraan fi proses pelan tidak dapat dikemukakan oleh PSP ke Jabatan Bangunan, MBSJ.

Sehubungan dengan itu, data-data outcome yang sebenar tidak dapat diperolehi. Walau bagaimanapun, kumpulan cuba menunjukkan jangkaan pencapaian outcome dan impak yang boleh diperolehi sekiranya Borang KiSFA dilaksanakan.

a) PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN

i. Peningkatan Produktiviti dan Hasil Kerja

SEBELUM PROJEK DILAKSANAKAN	SELEPAS PROJEK DILAKSANAKAN	IMPAK!!!
Terdapat 7 langkah dalam carta alir proses pengesahan kiraan fi poses pelan.	Carta alir : 2 langkah telah dibuang daripada Proses pengesahan kiraan fi proses pelan sediada.	Proses Kerja menjadi 5 langkah sahaja. Pengurangan proses kerja sebanyak 71 %
☐ Perunding (PSP) tidak perlu hadir kepada Jabatan Bangunan untuk mengemukakan salinan berbentuk <i>hardcopy</i> dan hanya perlu mengemukakan email kepada pegawai Bahagian Kawalan Bangunan dan akan memproseskan fi tersebut.		
☐ Tidak memerlukan pembetulan kerana Borang KiSFA telah menggunakan konsep <i>auto calculate</i> .		



ii. Penjimatan Masa

SEBELUM PROJEK DILAKSANAKAN	SELEPAS PROJEK DILAKSANAKAN	IMPAK!!!
-----------------------------	-----------------------------	----------

a. Pihak PSP perlu menunggu pengesahan fi selama 8 hari ke 14 hari untuk mendapatkan kiraan fi yang siap disahkan. b. Purata PSP menghantar satu permohonan memerlukan masa 20 minit. c. Secara purata seorang pegawai boleh memproses dalam tempoh 60 minit bagi 1 permohonan. Jabatan menerima 82 permohonan dalam sebulan. 82 permohonan x 60 minit = 4920 minit/bulan diperlukan untuk memproses borang kiraan fi	a. Dengan menggunakan format fi baru ini PSP hanya perlu menunggu selama 5 hari sahaja. b. Satu permohonan hanya memerlukan hanya 5 minit untuk PSP hantar melalui email kepada pegawai Bahagian Kawalan Bangunan. c. Pegawai boleh memproses 1 permohonan Borang KiSFA dalam tempoh 30 minit. 82 permohonan x 30 minit = 2460 minit/bulan diperlukan untuk memproses borang kiraan fi	a. Penjimatan masa selama 3 hari bagi mendapatkan pengesahan borang kiraan fi proses pelan. Pengurangan masa sebanyak 62.5 % b. Penjimatan masa sebanyak 15 minit. Pengurangan masa sebanyak 75% c. Penjimatan masa memproses sebanyak 4960 minit bersamaan 50%.
☐ Menjimatkan masa PSP dalam berurusan dengan pegawai Bahagian Kawalan Bangunan kerana PSP boleh mengemukakan permohonan pada bila-bila masa. ☐ Pegawai boleh menjimatkan tempoh memproses dan melakukan tugas hakiki yang lain.		

iii. Penjimatan Kos (Sampingan)

SEBELUM PROJEK DILAKSANAKAN	SELEPAS PROJEK DILAKSANAKAN	IMPAK!!!
--------------------------------	--------------------------------	----------

Kos Penggunaan Kertas 1 set Borang Kiraan Fi Proses pelan mempunyai 10 helai kertas A4 putih. Purata 82 permohonan sebulan diterima oleh Bahagian Kawalan Bangunan. <u>Sebulan</u> 82 permohonan x 10 helai = 820 helai <u>Setahun</u> 820 helai x 12 bulan = 9840 helai kertas A4 putih 1 rim kertas = RM 15.00 1 rim kertas = 500 helai 9840 helai = 19.68 rim ~ 20 rim x RM 15 = RM 300 setahun Purata 497 permohonan ditolak dalam tempoh setahun dan Borang Kiraan Fi Proses Pelan akan dibuang. 497 permohonan x 10 helai = 4970 helai 4970 helai = 9.94 rim ~ 10 rim x RM 15 = RM 150 dibazirkan	Tiada penggunaan kertas kerana Borang KiSFA hanya perlu diisi dan dikemukakan secara atas talian.	Penjimatan sebanyak 100%.
Bagi setiap permohonan dengan menggunakan sistem ini tiada apa apa kos kertas digunakan dan menjadikan penjimatan sebanyak 100% kerana pihak perunding (PSP) hanya perlu isi dalam sistem dan emailkan kepada Jabatan.		

iv. Penjimatan Kos Operasi (Sampingan)

SEBELUM PROJEK DILAKSANAKAN	SELEPAS PROJEK DILAKSANAKAN	IMPAK!!!
------------------------------------	------------------------------------	-----------------

Jarak purata bagi seorang PSP pergi dan balik ke ibu pejabat MBSJ adalah sebanyak 40 km sehari. Harga minyak Ron 95 = RM 2.05 per liter. Kadar penggunaan minyak adalah 15 km / l. $40 \text{ km} / 15 \text{ km/l} = 2.67$ liter sehari. $2.67 \text{ l} \times \text{RM } 2.05 = \text{RM } 5.47$ sehari Sebanyak 82 permohonan Borang Kiraan Fi dikemukakan dalam tempoh sebulan. <u>Minyak</u> $82 \text{ permohonan} \times \text{RM } 5.47 = \text{RM } 448.54$ $\text{RM } 448.54 / \text{RM } 2.05 = 218.8$ liter minyak sebulan Kadar pelepasan karbon (CO₂) $218.8 \text{ l} \times 2.392 \text{ kgCO}_2/\text{l} = 523.37 \text{ kgCO}_2$	Perunding PSP tidak perlu hadir ke Jabatan dan proses tersebut boleh dilakukan hanya di pejabat atau di rumah.	Penjimatan penggunaan minyak petrol sebanyak 100% Pengurangan pelepasan karbon sebanyak 100% bagi perjalanan pergi dan balik ke ibu pejabat MBSJ.
Bagi setiap permohonan dengan menggunakan sistem ini tiada apa apa kos minyak petrol dan tol yang perlu perunding PSP keluarkan dan menjadikan penjimatan sebanyak 100% kerana pihak perunding (PSP) hanya perlu isi dalam sistem dan emailkan kepada Jabatan.		

b) FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)

- ☐ Mengurangkan beban kerja.

- Pegawai tidak perlu lagi mengira fi proses pelan secara manual menggunakan kalkulator.
- Semakan proses kiraan fi telah dipermudahkan.
- Kerja hakiki pegawai dapat dilaksanakan dengan baik.

☐ Meningkatkan imej Jabatan dengan sistem penyampaian yang cekap dan berkualiti

- Kepuasan hati pelanggan tercapai dengan perkhidmatan yang cemerlang.
- Mengurangkan rungutan 'stakeholder' terhadap proses kelewatan pengiraan fi.

☐ Meningkatkan produktiviti kerja

- Kemahiran pegawai dalam penggunaan teknologi melalui penciptaan sistem berkualiti
- Mempamerkan gerak kerja pegawai yang sistematik dan efektif kepada pelanggan

☐ Mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga manusia.

- Pengurangan tenaga kerja dikurangkan dengan kemahiran pegawai dalam penggunaan sistem yang cekap dan berkualiti
- Pegawai mempunyai ruang masa dan waktu untuk melakukan kerja hakiki yang lain

☐ Meningkatkan kompetensi dan kemahiran dalam penggunaan IT

- Meningkatkan kemahiran pegawai dalam penggunaan sistem dari kerja secara manual kepada sistem berteknologi

☐ Mengurangkan karenah birokrasi

- Pegawai tidak perlu mengendalikan berbagai ragam pelanggan dan stakeholder yang mengarahkan pada pihak atasan untuk mempercepatkan sesuatu proses kerja.

☐ Meningkatkan keseronokan bekerja dan mengurangkan tekanan emosi

- Pegawai dapat ruang untuk bercuti dengan tenang tanpa diganggu dengan arahan dari pihak atasan

- Mengelakkan pegawai lain yang mengambil tugas sekiranya pegawai yang bertugas bercuti.

B. IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

i. PENILAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN

☐ Impak kepada Stakeholder –

- Kumpulan menjangkakan, lebih banyak permohonan kelulusan pelan bangunan akan diterima oleh Jabatan Bangunan kerana keyakinan PSP dalam mendapatkan kelulusan dengan cepat.
- Mengubah persepsi masyarakat tentang mutu penyampaian perkhidmatan Jabatan Bangunan, MBSJ.
- Mengurangkan karenah birokrasi dalam memproses kelulusan pelan bangunan diperingkat awal iaitu mendapatkan pengesahan kiraan fi proses pelan
- Piagam Pelanggan
 - Pengurangan proses kerja permohonan kelulusan pelan bangunan secara keseluruhannya.
 - Pengurangan tempoh masa dalam memproses permohonan kelulusan pelan bangunan.

☐ Impak kepada Organisasi

- Memenuhi Dasar Kualiti MBSJ iaitu prihatin dan komited untuk memberikan perkhidmatan yang optimum dan cemerlang kepada seluruh pelanggan menerusi konsep penambahbaikan berterusan berteraskan kepada aplikasi pendekatan sistem pengurusan kualiti yang mantap untuk menjadi sebuah PBT terunggul di Malaysia dari aspek perkhidmatan perbandaran, pengurusan lanskap, percukaian taksiran, kutipan hasil, penguatkuasaan undang-undang, penyelenggaraan infrastruktur, perancangan pembangunan, kemudahan rekreasi dan khidmat kemasyarakatan dengan penuh dedikasi, efisyen dan berintegriti.
- Peningkatan Hasil Bukan Cukai melalui Fi Proses Pelan yang dibayar oleh PSP sejajar dengan peningkatan jumlah permohonan kelulusan pelan bangunan.

- Menarik minat pelabur datang ke kawasan Subang Jaya untuk menjalankan perniagaan dan seterusnya meingkat hasil MBSJ.
